

Headline **SK Sri Kelana ungguli kitar semula**
 Date **08 Nov 2010**
 MediaTitle **Sinar Harian**
 Section **Selangor & KL**
 Journalist **Noor Ainulyakin Mohamad Ishak**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
 Page No **S26**
 Article Size **727 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **3,999**
 PRValue **11,996**



SK Sri Kelana ungguli kitar semula

SK Ampang Campuran, SK Cochrane Perkasa kedua, ketiga

**NOOR AINULYAKIN
MOHAMAD ISHAK**

PETALING JAYA - Kepentingan menjaga alam sekitar bukan sahaja perlu didedahkan kepada golongan dewasa sahaja, tetapi golongan kanak-kanak adalah golongan paling sesuai diberikan pendedahan kepentingan berkenaan.

Oleh itu, baru-baru ini diadakan Finale Program Mengitar Semula Kotak Minuman *Nurture For Nature* oleh Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Kementerian Pelajaran yang menyaksikan juara program itu dengan penyertaan sekolah rendah.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd, Terrynz Tan berkata, Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Kelana diumumkan sebagai johan program kitar semula kotak minuman *Nurture for Nature* setelah murid bertungkus lumus sepanjang enam bulan mengutip jumlah kotak minuman terbanyak untuk di kitar semula.

"Sekolah ini berjaya mem-

bawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 dan lawatan sambil belajar untuk pasukan Nature Rangers (Ranger Alam Sekitar) mereka.

"Kedua SK Ampang Campuran diikuti ketiga SK Cochrane Perkasa. Keduanya membawa pulang RM3,000 dan RM2,000 dan juga lawatan untuk Nature Rangers masing-masing," katanya pada majlis berkenaan di sini.

Menurutnya, kelas Kejora 6 dari SK Sri Kelana juga menerima Anugerah Khas Kelas Terbaik dengan jumlah kotak minuman terkumpul paling banyak.

"Manakala anugerah SPOC (guru yang mengendalikan program di sekolah) terbaik dihadiahia kepada Ong Eng Too dari SK Seksyen 9.

"Apa yang membanggakan dari bermulanya program hingga akhir program adalah jumlah kotak minuman yang dikutip untuk dikisar semula melalui program ini iaitu melebihi 1.6 juta," katanya.

Menurutnya, sebagai perajur dalam bidang pemprosesan dan pembungkusan makanan sedunia, mereka memahami nilai sumber yang berharga ini justeru mereka ingin memastikan generasi masa depan akan turut sama memahami nilai tersebut.

"Pada Februari lalu, mendakna permulaan tahun kedua program ini yang menyaksikan 25 lagi sekolah menyertai menjadikan 50 sekolah semuanya.

"Kami juga memperkenalkan tajuk pendidikan baru mengenai Pemanasan Global dan membantu mewujudkan pasukan Nature Rangers di setiap sekolah yang menyertai program ini," katanya.

Kata Terrynz, renjer tersebut terdiri daripada 10 murid dari setiap sekolah yang terpilih bagi memperjuangkan program berkenaan di sekolah masing-masing dan mempengaruhi rakan mereka untuk mengamalkan tabiat mengitar semula kotak mi-

numan.

"Kejayaan program ini hanya dapat diukur melalui dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh murid dan guru dalam mengitar semula kotak minuman mereka.

"Melalui program ini juga, kami berjaya mengumpul lebih dari 72,000 murid pencinta muda alam sekitar ini," katanya.

Beliau berkata, Tetra Pak juga turut membantu 50 sekolah terlibat untuk menukuhkan papan kenyataan Tetra Pak di mana murid dapat membaca mengenai isu alam sekitar dan mengikuti hasil kutipan sepanjang tempoh program.

Sebagai simbol komitmen mereka kepada alam sekitar dan kepada projek tersebut, Tetra Pak juga telah menyumbangkan sebanyak RM10,000 kepada FRIM bagi membantu usaha mereka yang berterusan untuk menerapkan pendidikan alam sekitar, serta peranan mereka dalam menjaga hutan.

Headline **SK Sri Kelana ungguli kitar semula**
Date **08 Nov 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **Noor Ainulyakin Mohamad Ishak**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S26**
Article Size **727 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,999**
PRValue **11,996**



■ Terrynz (kanan) menyampaikan replika cek kepada Ketua Bahagian Pengurusan Korporat FRIM, Norhayati Nordin.



■ Walaupun hanya berjaya mendapat tempat ketiga tetapi pencapaian paling membanggakan



■ SK Ampang Campuran menerima hadiah pemenang kedua.



■ Tiga, kanan: Terrynz bersama murid dan guru SK Sri Kelana dan Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran, Mohd Anuar Abdul Hamid (empat, kanan).